

PENDIDIKAN SEKS DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Sharifah Nor Syahidah Syed Mokhtarⁱ Nur Al-Farhain Kamaruzamanⁱⁱ

ⁱ Pelajar, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, shrfhsyahidah@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, farhain@usim.edu.my (Corresponding Author)

Abstrak

Mutakhir ini, isu-isu berkaitan gejala sosial seperti homoseksual, sumbang mahram dan rogol melibatkan remaja sering terpampang di dada-dada akhbar. Antara sebab yang menyumbang kepada perkara ini adalah pendedahan kepada bahan visual yang tidak sesuai dengan usia mereka. Selain itu, masalah ini juga berkait rapat dengan pengetahuan dan kefahaman mereka berkaitan pendidikan seks. Dalam isu ini, sesetengah ibu bapa cuai dan tidak mengambil berat terhadap kewajipan mereka untuk mendidik anak-anak mereka berkaitan pendidikan seks. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji konsep pendidikan seks dari sudut perspektif Barat dan Islam seterusnya menganalisis pendidikan seks dari sudut pandang Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi analisis dokumen daripada kitab-kitab ulama' klasik, artikel jurnal dan rujukan dokumen yang berkaitan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pendidikan seks mempunyai kaitan yang rapat dengan kesemua objektif yang digariskan oleh syarak iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan/maruah, harta dan akal.

Kata kunci: *Maqasid Syariah-pendidikan seks*

PENDAHULUAN

Budaya sosial anak muda pada masa kini telah dipengaruhi oleh arus globalisasi. Pelbagai budaya asing telah mula menyerap masuk melalui kemudahan dan kecanggihan teknologi di hujung jari. Pelbagai maklumat boleh diakses dan diteroka oleh remaja mahupun anak-anak tanpa bantuan dan pengawasan orang dewasa. Keadaan ini menyebabkan mereka mudah terdedah kepada bahan audio dan visual yang tidak sesuai dengan usia mereka. Sebagai contoh, statistik yang disediakan oleh Kajian Malaysians Against Pornografi (MAP) pada tahun 2018 menganggarkan kira-kira 80% kanak-kanak dan remaja berusia antara 10 hingga 17 tahun sengaja menonton pornografi. Sementara itu, hampir 89 peratus remaja berusia 13 hingga 17 tahun menjadi mangsa laman seks dalam talian (Berita Harian, 2019). Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia memperoleh data mengenai sejumlah 2783 remaja hamil luar nikah pada tahun 2018 (Sinar Harian, 2019). Kesemua data ini menunjukkan tahap kemerosotan moral remaja yang semakin merudum di Malaysia.

Isu kemerosotan moral dalam kalangan remaja ini berkait rapat dengan kefahaman dan penghayatan mereka tentang pendidikan seks. Pendidikan ini perlu dimulakan seawal usia kanak-kanak bagi memastikan ia berkesan dan mampu menjadi benteng kepada masalah dan isu keruntuhan moral seperti yang disebutkan di atas. Individu terpenting yang berperanan mendidik anak dalam perkara-perkara berkaitan seks adalah ibu bapa. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1992) di dalam bukunya, *Tarbiyatul Awlad fi al-Islam*, antara tanggungjawab setiap ibu bapa adalah menyediakan pendidikan yang baik untuk anak-anak mereka. Pendidikan yang baik ini bukan sahaja merangkumi pendidikan yang bersifat akademik semata-mata tetapi termasuklah pendidikan seksual. Walaubagaimanapun, ramai ibu bapa menganggap topik ini merupakan topik yang bersifat taboo dan kurang memberikan penekanan kepada aspek pendidikan seks kepada anak-anak mereka. Terdapat juga ibu bapa yang menyerahkan tanggungjawab ini sepenuhnya kepada guru. Malah, terdapat ibu bapa lebih suka untuk mengelak dan tidak menjawab soalan-soalan dari anak-anak mereka kerana berpandangan usia anak-anak masih muda. Selain melarang dan mengelak, ibu bapa sering memberikan jawapan yang samar-samar untuk menghalang anak-anak daripada bertanya lebih banyak soalan. Walau bagaimanapun, tanpa disedari, tindakan dan respon yang diberikan kepada anak-anak ini menyebabkan mereka mencari jawapan sendiri di internet atau bertanya kepada rakan sebaya.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji berpandangan bahawa aspek pendidikan seks merupakan salah satu aspek terpenting dalam menangani masalah gejala sosial yang berlaku. Walaubagaimanapun disebabkan salah faham yang berlaku tentang definisi dan konsep pendidikan seks yang sebenar, dan kurangnya kefahaman ibu bapa tentang kepentingan pendidikan seks dari sudut pandang Islam secara umumnya dan maqasid syariah secara khususnya menyebabkan mereka kurang memberi perhatian kepada perkara ini. Justeru, kajian ini akan mengkaji konsep pendidikan seksual dari perspektif Islam dan Barat seterusnya menganalisis perkaitan di antara pendidikan seks dengan Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi analisis dokumen seperti kitab-kitab klasik, artikel dan jurnal penyelidikan terdahulu dan rujukan dokumen berkaitan yang boleh digunakan sebagai rujukan utama.

DEFINISI DAN KONSEP

Pendidikan Seks

Proses mendidik atau mengajar dirujuk sebagai pendidikan. Pendidikan juga boleh difahami sebagai proses mengubah sikap dan tingkah laku seseorang daripada jahil kepada berpengetahuan. Pendidikan seks adalah istilah yang luas dengan makna yang berbeza untuk agama, orang, dan organisasi yang berbeza. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa definisi pendidikan seks di barat dan Islam adalah sama, sementara yang lain berpandangan bahawa definisi kedua-dua budaya ini berbeza secara radikal.

Pada dasarnya, terdapat dua jenis pendidikan seks. Pertama, pendidikan seks dari segi perbincangan anatomi seperti pertumbuhan bulu ketiak, dan biologi pembiakan, proses pembiakan melalui persetubuhan, termasuk perancangan keluarga dan kaedah kontrasepsi untuk mencegah kehamilan. Kedua, pendidikan dalam seks meliputi bidang etika, moral, psikologi, ekonomi, dan pengetahuan lain yang diperlukan supaya seseorang dapat memahami dirinya sebagai individu seksual dan melakukan hubungan interpersonal yang baik (Gustiawati Mukri, 2015).

Di Barat, institusi-institusi pendidikan antarabangsa menggunakan istilah pendidikan seksualiti komprehensif (CSE) bagi merujuk kepada pendidikan seks. Istilah ini dirujuk sebagai pendekatan berasaskan kurikulum pengajaran dan pembelajaran mengenai unsur-unsur kognitif, emosi, fizikal, dan sosial seksualiti yang juga dikenali sebagai pendidikan seksualiti yang komprehensif. Matlamatnya adalah untuk menyediakan kanak-kanak dan orang muda dengan pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai-nilai yang diperlukan untuk merealisasikan kesihatan, kesejahteraan, dan maruah mereka untuk membangunkan hubungan sosial dan seksual yang menghormati dan mempertimbangkan bagaimana pilihan mereka akan mempengaruhi kesejahteraan mereka sendiri dan orang lain dan akhir sekali untuk memahami dan melindungi hak mereka sepanjang hidup (UNESCO, 2018). Pendidikan seks awal adalah penting untuk kanak-kanak dan berterusan melalui remaja dan dewasa. Matlamatnya adalah untuk melindungi perkembangan seksual. Ia secara beransur-ansur memberikan maklumat, kemahiran, dan nilai-nilai positif kepada kanak-kanak dan orang muda supaya mereka dapat memahami dan menikmati seksualiti mereka, mempunyai hubungan yang sihat dan bermakna, dan juga mengambil tanggungjawab untuk kesihatan dan kesejahteraan seksual mereka sendiri dan orang lain (WHO Regional Office for Europe and BZgA, 2010).

Seterusnya, pendidikan seks juga boleh ditakrifkan sebagai pendidikan yang merangkumi maklumat mengenai akil baligh dan pembiakan, kontrasepsi dan kondom, hubungan, pencegahan keganasan seksual, imej badan dan identiti jantina. Ia harus diberikan dengan bukti tentang apa yang paling cara yang berkesan untuk mencegah kehamilan dan jangkitan seksual, tetapi ia harus menghormati hak orang muda untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat (Emily Bridges & Debra Hauser, 2014).

Dari perspektif Islam, pendidikan seks bermaksud proses pengajaran, kesedaran, dan pemahaman yang sihat tentang seks dari aspek kesihatan fizikal, psikologi, dan rohani. Usaha ini bertujuan untuk memastikan kanak-kanak bebas daripada tabiat yang bertentangan dengan cara hidup yang dianjurkan oleh agama Islam dan menutup semua kemungkinan yang dilarang bagi hubungan seksual. Sebagai contoh, jika seseorang tertarik kepada jantina yang sama, dia akan dilaknat oleh Allah kerana dia tergolong dalam kelompok seksual yang menyimpang seperti orang-orang Lut (homo). Pendidikan ini bertujuan untuk mengiktiraf ciptaan manusia daripada jenis lelaki dan perempuan untuk belajar antara satu sama lain dan membawa ketakwaan kepada Allah SWT (Gustiawati Mukri, 2015). Pendidikan seks bukan hanya sekadar belajar tentang hubungan intim antara lelaki dan wanita dalam

perkahwinan malahan ia adalah penggantian pemahaman dan kesedaran tentang konsep tingkah laku seksual menyimpang dan pemeliharaan diri. Aktiviti seksual menyimpang boleh ditakrifkan sebagai hubungan haram yang bertentangan dengan ajaran dan norma Islam (Ermayani, 2020).

Setelah mengkaji definisi dan konsep pendidikan seks yang disebutkan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua bentuk pendidikan seks, iaitu, panduan seks dan pendidikan dalam seksualiti. Kebanyakan formulasi pendidikan seks oleh ahli akademik Barat dan Islam menggabungkan kedua-dua elemen ini menjadi satu makna. Namun begitu, kita dapat melihat definisi persamaan antara kedua-dua perspektif ini menggambarkan bahawa pendidikan seks memimpin dan memupuk seseorang untuk memahami dengan betul makna, fungsi dan tujuan seks. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan antara perspektif Barat dan Islam. Perspektif Barat tidak menekankan aspek agama yang berkaitan dengan pendidikan seksual, manakala pendidikan seks di dalam agama Islam mendidik penganutnya agar memahami seks supaya mereka tidak terlibat dalam sebarang aktiviti seksual yang dilarang oleh Islam.

MAQASID SYARIAH

Maqasid ialah perkataan *jama'* daripada perkataan *maqsad* dan berasal daripada kata kerja *qa-sa-da* yang merujuk kepada menuju arah (Al-Fayruz Abadi, 1997). Dalam erti kata lain, istilah ini merujuk kepada objektif berdasarkan kenyataan atau fakta sebenar. Manakala syariah berasal daripada perkataan *sya-ra'-a* yang bermaksud sumber air yang tidak pernah berhenti dan terus mengalir. Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui Nabi Muhammad SAW (Abdul Karim Zaidan, 2009).

Seterusnya, terdapat ramai ulama yang telah membincangkan definisi Maqasid Syariah. Sebagai contoh, Muhammad Thahir Ibn Asyur (2004) mentakrifkan Maqasid Syariah sebagai makna dan hikmah yang tertumpu kepada syara' secara menyeluruh atau dalam kebanyakan situasi wahyu perintah-perintah tanpa menyatakan ketetapan syariah tertentu. Selain itu, Dr Ahmad Al-Raysouni (1995) berpendapat bahawa Maqasid Syariah adalah tujuan oleh syariat untuk kebajikan manusia. Berdasarkan kepada kedua-dua definisi ini, Maqasid Syariah boleh ditakrifkan secara meluas sebagai objektif, makna dan kebijaksanaan yang ditetapkan oleh syariat Islam di dalam hukum-hakam syarak yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia.

Imam as-Syatibi merupakan tokoh besar yang telah memberikan sumbangan besar kepada bidang Maqasid Syariah. Al-Imam as-Syathibi menghuraikan bidang Maqasid Syariah secara menyeluruh, teratur dan tersusun dalam bukunya yang bertajuk *al-Muwafaqat*. Hakikatnya, sebelum Al-Imam as-Syathibi terdapat ulama lain yang telah membincangkan perkara ini, seperti Imam al-Haramain al-Juwaini. Imam al-Haramain al-Juwaini (1997) kerap menekankan kepentingan Maqasid Syariah dalam mentafsir teks syariah, di mana beliau menyatakan bahawa:

"Dan sesiapa yang tidak memahami kewujudan maqasid dalam perintah dan larangan syara', maka dia tidak memperoleh pandangan yang jelas dan benar tentang syariah."

Objektif-objektif ini kemudiannya dihuraikan oleh al-Ghazali (1993), yang berpendapat bahawa tujuan syariah adalah untuk memelihara atau mempertahankan *masalih*, yang diwakili oleh lima keperluan utama manusia iaitu iman (*din*), kehidupan (*nafs*), intelektual (*aql*), keturunan (*nasab*), dan harta (*mal*). Menurut Al-Ghazali (1993), matlamat utama undang-undang syariah ialah menjaga atau melindungi umat Islam, yang akhirnya memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Beliau juga menetapkan pengkategorian Maqasid Syariah kepada tiga klasifikasi iaitu *daruriyyat*, *hajiyyat*, dan *tahsiniyyat*. *Daruriyyat* dilihat sebagai perkara yang perlu untuk kelangsungan hidup individu dan masyarakat serta kesejahteraan rohani.

Di dalam perbincangan Maqasid Syariah, terdapat ulama seperti al-Juwayni, al-Ghazali, dan al-Izz bin Abdul Salam yang memperkenalkan konsep perlindungan dan pemeliharaan. Objektif utama syariah telah dikenal pasti dengan perkataan *hifz* (perlindungan). Selain itu, istilah *maqasid* dan *maslahah* sering digunakan secara bergantian untuk menggambarkan konsep yang sama. Selain itu, Maqasid Syariah boleh dianggap sebagai pengkhususan daripada pengertian *al-maslahah al-mursalah* dalam *Usul al-Fiqh*.

Selain itu, Maqasid Syariah menyediakan kerangka konsep yang penting bagi perkembangan teori pentadbiran Islam. Salah satu objektif utama syariah ialah penangkalan mafsadah (kemudaratan). Fuqaha Muslim percaya bahawa usaha yang menghalang kemudaratan adalah selaras dengan objektif syariah, walaupun pengakhirannya tidak memberikan apa-apa bukti yang sah, dengan syarat, bahawa ia tidak mengubah perbuatan yang diharamkan menjadi yang dibenarkan dan sebaliknya (Maszlee Malek, t.th).

Objektif-Objektif Dalam Maqasid Syariah

1) Pemeliharaan Agama

Memelihara agama adalah perkara yang paling penting bagi setiap individu. Dalam memelihara dan menjaga *daruriyyat* yang pertama ini, Islam melarang semua perkara yang boleh mengancam agama seperti ketidakpercayaan, politheisme, munafik, dan murtad. Ia juga untuk mempertahankan agama daripada orang-orang kafir.

2) Pemeliharaan Nyawa

Bagi merealisasikan penghayatan *daruriyyat* yang kedua ini iaitu memelihara nyawa, Islam melarang sebarang perbuatan yang boleh mengancam diri, jiwa atau kehidupan seseorang sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain. Terdapat banyak ayat al-Quran yang membuktikan perkara ini seperti firman Allah SWT dalam surah al-An'am:

Maksud: Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah

(kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya

Oleh itu, apa-apa tindakan yang boleh membahayakan diri sendiri, nyawa atau kehidupan seseorang adalah haram dan boleh dihukum dengan sewajarnya.

3) Pemeliharaan Akal

Dalam memelihara dan menjaga akal, Islam melarang sebarang tindakan yang boleh merosakkan minda seseorang sama ada pada diri sendiri atau orang lain seperti minum dan menjual arak, dadah, dan lain-lain. Ia diterangkan oleh firman Allah dalam surah Al- Maidah ayat 90:

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

4) Pemeliharaan Keturunan

Objektif keempat di dalam Maqasid Syariah adalah memelihara keturunan yang juga termasuk maruah. Walau bagaimanapun, sesetengah ulama menganggap maruah sebagai objektif yang berasingan. Namun begitu, samada ia termasuk di bawah kategori yang sama atau berasaingan, para ulama sepakat mengenai kepentingan kedua-dua objektif ini (Mohd Nasir, 2012). Dalam menjaga zuriat, Islam melarang apa-apa yang boleh merosakkan keturunan sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti zina, liwat, rogol, sumbang mahram, bercakap lucah, mendedahkan aurat sama ada oleh lelaki atau wanita dan lain-lain. Bukti asas larangan zina ialah di dalam al-Quran, Allah berfirman dalam surah al-Isra ayat 32:

Maksud: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

5) Pemeliharaan Harta

Harta merupakan salah satu daripada objektif yang dilindungi oleh Islam. Akibatnya, Islam melarang semua tingkah laku yang boleh menyebabkan kemudaratan, kemusnahan, atau pembaziran harta benda, seperti rompakan, mencuri, dan membazir. Jenayah rompakan dan mencuri termasuk dalam kategori jenayah *hudud*, yang ditakrifkan sebagai jenayah yang kadar dan bentuk hukumannya telah ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak boleh diubah atau dipinda. Mengenai hukuman bagi kesalahan mencuri, Allah berfirman dalam Surah Al Maidah ayat 38:

Maksud: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Secara umumnya, Maqasid Syariah seperti yang ditakrifkan oleh usul ulama fiqh adalah maksud dan tujuan yang dikehendaki oleh syara' dalam menetapkan sesuatu undang-undang untuk menjamin kepentingan umat manusia. Matlamat Maqasid Syariah tidak sah melainkan ia membawa kepada pemenuhan sesuatu faedah (masalah) atau mengelakkan kemudaratan (mafsadah). Pertimbangan yang menjadi kayu ukur perlu diasaskan kepada nilai-nilai al-Quran dan Sunnah, yang merupakan teras untuk memastikan ia berada dalam kerangka syariah.

PENDIDIKAN SEKS DALAM ISLAM

Dalam Islam, pendidikan seks tidak boleh dipisahkan daripada agama malah perlu dilaksanakan dengan asas agama. Tanpa bimbingan yang baik mengenai agama, generasi muda akan mudah tergelincir dan terlibat dengan masalah gejala sosial. Malah, Islam memberi perhatian kepada pengagihan keinginan seksual mengikut peraturan dan etika yang betul. Kanak-kanak perlu diberikan pengetahuan Islam yang mantap pada usia muda. Penerapan ilmu agama dalam kehidupan kanak-kanak boleh membantu mereka menjalani kehidupan yang sihat.

Islam adalah agama yang komprehensif (*syumul*) dan sempurna (*kamil*). Islam adalah agama pertama yang membincangkan tentang pendidikan seks dan ini dapat dilihat di dalam Al-Quran dan Sunnah yang banyak mengandungi pengajaran dan pendidikan mengenai perkara seksual. Pendidikan seks di negara sekular hanya menekankan tingkah laku seksual yang selamat dan sihat dan tidak mengajar golongan muda tentang cara mengelakkan diri daripada terdedah dengan seks bebas yang akan memberi impak negatif seperti penyakit kelamin (PMS) dan kehamilan pra perkahwinan. Sementara itu, pandangan Islam berkaitan isu seks bukanlah perkara asing, sebaliknya ia telah dibincangkan secara meluas oleh ulama. Perbincangan isu seks bukan berdasarkan pandangan mereka semata-mata tetapi berdasarkan daripada dalil-dalil al-Quran dan Al-Hadith.

Berdasarkan ajaran Islam, pendidikan seks harus diberi pendedahan bahkan diwajibkan sejak kanak-kanak lagi. Ini kerana, mendidik masyarakat dalam memahami pendidikan seks mengikut perintah dan larangan Allah juga dikira sebagai ibadah (Gustiawati Mukri, 2015). Walau bagaimanapun, pendidikan seks tidak boleh berdiri sendiri melainkan ia berkait rapat dengan pendidikan lain seperti iman (akidah), akhlak dan ibadah. Hal ini sebagaimana ungkapan Ayip Syafrudin, 1991,

“Pendidikan seks dalam islam merupakan bagian integral dari pendidikan akidah, akhlak dan ibadah. Pendidikan seks tidak lepas dari ketiga unsur di atas. Keterlepasan pendidikan seks dari ketiga unsur di atas akan menyebabkan ketidakjelasan arah dari pendidikan seksual tersebut.

Bahkan mungkin akan menimbulkan kesesatan dan penyimpangan dari tujuan asal. Sebab pendidikan seksual yang lepas dari unsur akidah, ibadah dan akhlak hanyalah akan berdasarkan hawa nafsu manusia semata”.

Sebagai contoh, al-Quran telah menggambarkan institusi perkahwinan sebagai institusi suci yang mampu memberikan ketenangan dan kasih sayang, ini selaras dengan firman Allah SWT surah Ar-ruum ayat 21:

Maksud: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”.

Hubungan antara akidah dan pendidikan seks bertujuan untuk membuktikan bahawa Allah memberi perintah mengenai kehidupan seks, memantau pelanggaran dengan teliti, dan akan menyediakan hukuman yang adil dan saksama bagi golongan yang hidup tanpa memegang ajaran Islam. Kesedaran ini akan mempengaruhi tingkah laku seseorang kerana semakin kuat kesedaran tentang kewujudan Allah pada diri seseorang, semakin kurang keinginan mereka untuk melakukan perbuatan terlarang. Oleh itu, jika pendidikan seks tidak disertakan dengan iman, kesalahan seks tidak akan dihentikan. Selain itu, dalam Islam, pendidikan seks adalah sebahagian daripada pendidikan moral (akhlak), dan tingkah laku seksual yang sihat adalah sebahagian daripada akhlak. Justeru, pendidikan seks perlu berpandukan tuntutan Allah SWT kerana Dialah Yang Maha Mengetahui tentang manusia. Manusia dibimbing untuk mengikuti ajaran Nabi Muhammad SAW kerana baginda merupakan model teladan sepanjang zaman. Seterusnya, ibadah pada dasarnya merupakan manifestasi kesetiaan manusia kepada Allah melalui pelaksanaan syariah bagi mendapatkan keberkatan-Nya. Ini bermaksud, pendidikan seks tanpa ibadah tidak bermakna kerana ibadah mengajar tentang hak Allah, Nabi, dan sesama manusia.

Seterusnya, peranan utama ibu bapa adalah dengan memastikan mereka dapat berkomunikasi dengan anak-anak secara baik dan berhemah. Pendidikan seks tidak hanya merangkumi soalan dan jawapan. Sebagai contoh, melazimkan akhlak yang baik, menjaga anggota badan, menanamkan rasa malu apabila tidak berpakaian dan dilihat oleh orang lain atau malu melihat alat kelamin orang lain perlu diajar pada kanak-kanak sejak kecil. Pada masa yang sama, dalam Islam, pendidikan seks bukan sahaja mengenai hubungan intim antara lelaki dan wanita tetapi lebih luas daripada itu. Islam mengajar tentang isu-isu yang berkaitan dengan kesucian peribadi, seperti tatacara mandi wajib, istinja, kewajipan untuk menutup aurat, nilai kesopanan, dan batasan hubungan antara lelaki dan wanita.

Menurut Amirudin (2020), pendidikan seks yang memerlukan perhatian khusus daripada pendidik perlu diwujudkan berdasarkan peringkat- peringkat berikut:

1. Fasa pertama, umur 7-10 tahun, digelar *tamyiz* (pra-akil baligh). Pada tahap ini, mereka diajar untuk mengenali identiti diri yang berkait rapat dengan organ biologi mereka dan perbezaan antara lelaki dan wanita. Kanak-kanak juga diajar untuk meminta izin sebelum memasuki bilik ibu bapa mereka.
2. Fasa kedua, umur 10-14 tahun, dipanggil tempoh *murahaqah* (tempoh peralihan atau akil baligh). Pada usia ini, anak-anak muda harus dididik tentang fungsi biologi secara ilmiah, batas aurat, kesopanan dan maruah diri. Kanak-kanak harus dijauhkan daripada berbagai rangsangan seksual pada masa ini, seperti video porno, buku-buku lucah serta gurauan berbau lucah.
3. Fasa ketiga, berumur 14-16 tahun, disebut *akil baligh* (remaja). Sekiranya remaja bersedia untuk berkahwin, mereka harus diberikan ilmu mengenai adab melakukan hubungan seksual.
4. Fasa keempat, adalah dewasa. Sepanjang tempoh ini, individu tersebut perlu mengetahui cara menjaga dirinya daripada perbuatan tercela (*istifaf*) jika belum mampu bernikah.

Pendedahan kepada pendidikan seks boleh dilakukan secara berperingkat mengikut tahap umur individu. Ini kerana, pendidikan seks berperingkat sangat sesuai mengikut tahap penerimaan di kalangan anak-anak.

Secara umumnya, pendidikan seks dalam Islam boleh diterangkan dengan berpandukan Al-Quran dan hadis adalah seperti berikut:

a. Menghiasi diri dengan sifat malu

Rasa malu mesti dipupuk dalam diri kanak-kanak sejak kecil. Malu adalah perhiasan mukmin sejati dan sifat malu adalah sebahagian daripada iman. Daripada Abu Hurairah daripada Rasulullah SAW bersabda: "Iman mempunyai lebih daripada enam puluh cabang, dan malu adalah sebahagian daripada iman". Ibu bapa perlu mengajar anak-anak supaya tidak mendedahkan aurat di hadapan orang lain, contohnya apabila keluar dari bilik mandi dan semasa menukar pakaian.

b. Memupuk jiwa maskulin pada anak lelaki dan feminin pada anak perempuan Islam telah memberikan nasihat bagi memastikan setiap fitrah sedia ada terpelihara. Lelaki mesti mempunyai keperibadian maskulin, dan wanita mempunyai keperibadian feminin. Islam melarang wanita daripada menyerupai lelaki dan sebaliknya. Oleh itu, kanak-kanak dari kedua-dua jantina mesti didedahkan pendidikan ini sejak kecil. Mereka juga harus dilayan secara berbeza berdasarkan jantina mereka. Ibn 'Abbas meriwayatkan: "Rasulullah SAW melaknat wanita yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai wanita". Sebagai contoh, memakaikan anak lelaki dengan pakaian perempuan dan membiarkan anak lelaki bermain dengan mainan solek.

c. Memisahkan tempat tidur

Pemisahan bilik tidur adalah pendidikan seks tidak langsung untuk anak-anak dan ia mempengaruhi keberhasilan pendidikan seks sebenar. Perkara ini tidak harus diambil mudah dan perlu dilakukan supaya mereka tidak melihat tingkah laku seksual ibu bapanya. Tambahan pula, memisahkan katil dapat melindungi kanak-kanak daripada rangsangan seksual berbahaya yang disebabkan oleh sentuhan fizikal. Umur yang sesuai untuk dididik adalah seawal umur 7-10 tahun. Ini kerana, pada usia ini rangsangan seksual kanak-kanak telah mula berkembang.

d. Mengajar adab menziarahi bilik ibu bapa

Islam menekankan adab dan etika perlu diajar seawal usia muda. Hal ini dikatakan demikian kerana adab dan tatasusila menunjukkan keperibadian seseorang individu. Allah swt menyebut perkara ini dengan jelas dalam surah An-Nur ayat 58:

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Menurut ayat di atas, adab memohon keizinan bagi kanak-kanak yang belum mencapai baligh untuk memasuki ruang ibu bapanya adalah tiga kali iaitu sebelum matahari terbit, pada waktu tengah hari, dan selepas solat isya'. Tujuannya adalah untuk mengajar anak muda tentang hukum mengenai alat kelamin, hubungan seksual, dan keadaan orang lain. Penekanan pada peringkat ini adalah untuk meminta kebenaran tiga kali. Apabila kanak-kanak mencapai akil baligh, keperluan untuk meminta keizinan terpakai sepanjang waktu. Peraturan ini membawa impak yang besar kerana jika kanak-kanak melihat tingkah laku seksual yang dilakukan oleh orang dewasa, tingkah laku itu akan dicetak dalam fikirannya dan akan mempengaruhi perkembangan psikologi mereka. Lebih malang lagi, jika mereka menganggap perbuatan seksual, sebagai tindakan biasa tanpa mengetahui akibat dan kesannya (Rokiah Ahmad, 2007).

e. Mendidik tentang cara bersuci

Salah satu syarat sah solat ialah hendaklah bersih daripada hadas (kekotoran). Hadas terbahagi kepada dua, iaitu kecil dan besar. Hadas kecil boleh disucikan dengan berwuduk manakala mandi wajib dilakukan untuk membersihkan hadas besar. Ilmu ini perlu diajar kepada kanak-kanak kerana ia dianggap sebagai fardhu ain. Sebagai contoh, ibu bapa atau guru perlu memberikan maklumat sepenting ini sejelas mungkin dan juga mengenai pertumbuhan dan proses yang berlaku pada kanak-kanak. Selain itu, ia juga perlu untuk menjelaskan bahawa haid dan ihtilam adalah tanda-tanda kematangan organ seksual kanak-kanak. Oleh itu, kanak-kanak akan terbiasa dari awal untuk mengekalkan kebersihan dan kesucian alat seksual

(Nawangsari, 2015). Seterusnya, harus diselitkan dengan ajaran Nabi Muhammad S.A.W. (sunnah) dalam sesi pembelajaran tata cara bersuci. Oleh itu, kita dapat melihat bahawa ilmu kesucian diri tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan seks.

f. Mengenalkan mahramnya

Mahram adalah seseorang yang dihalang daripada berkahwin secara kekal kerana hubungan keluarga. Lelaki tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita dari mahram mereka, dan wanita tidak dibenarkan berkahwin dengan lelaki dari mahram mereka. Ibu bapa perlu memperkenalkan anak-anak mereka kepada mahram dari usia 1 tahun hingga baligh supaya anak-anak dapat memelihara hubungan antara mahram dan bukan mahram. Pada masa yang sama, pengajaran tentang adab berpakaian di kalangan mahram juga perlu ditekankan. Ini adalah untuk mengelakkan timbulnya keinginan seksual. Kebebasan dalam berpakaian seperti terlalu ketat dan nipis adalah dilarang apabila mereka bersama kanak-kanak dan adik-beradik yang telah mencapai akil baligh. Kategori mahram sendiri telah dijelaskan dalam al-Quran An-Nur ayat 31: *Maksud: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*

g. Mendidik anak menundukkan pandangan

Pandangan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram perlu dielakkan kerana kesannya akan merangsang nafsu dan boleh menyebabkan pelbagai fitnah dan penyakit dalam masyarakat. Anak-anak muda harus menjauhkan diri daripada imej, filem, atau bacaan lucah yang mengandungi unsur-unsur pornografi dan aksi yang tidak bermoral. Walau bagaimanapun, Islam sentiasa memberikan toleransi pada situasi tertentu yang bermanfaat secara umum (masalah al-mursalah). Para ulama berpendapat keperluan melihat jantina lain hanya dibenarkan apabila terdapat keperluan, seperti semasa membeli dan menjual, merawat pesakit dan proses pembelajaran (Rokiah Ahmad, 2007). Allah SWT berfirman dalam surah An-Nur ayat 30:

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan.

h. Khitan

Berkhatan bagi lelaki adalah dengan membuang preputium. Preputium adalah kulit yang meliputi kepala zakar yang dibawahnya mengandungi zat smegma yang berbau dan menjadi tempat pembiakan virus kanser. Bagi wanita, berkhatan adalah dengan memotong sebahagian kecil klitoris. Berkhatan disyorkan seawal kanak-kanak. Hal ini kerana, prosedur ini menjadi lebih rumit dan berbahaya jika dilewatkan sehingga dewasa. Keperluan berkhatan untuk remaja berkait rapat dengan kehidupan seksual. Oleh itu, apabila ibu bapa ingin mengkhatakan anak-anak, ia harus disertai dengan penjelasan perubatan sebagai satu bentuk pendidikan seks. Ini kerana berkhatan adalah langkah persediaan untuk remaja yang akan menjalani kehidupan seksual pada alam perkahwinan (Nawang Sari, 2015). Berkhatan diharuskan dalam Islam dan tidak ada pendapat yang boleh menafikan sama ada hanya bagi lelaki atau wanita. Yang pasti, ia perlu dilaksanakan oleh doktor yang dipercayai (Mufti of Federal Territory, 2016).

i. Menjauhi perbuatan khalwat

Khalwat adalah percampuran lelaki dan wanita yang bukan mahram tanpa syarat yang dibenarkan oleh Islam. Pada masa kini, perbuatan sedemikian dianggap biasa. Oleh itu, kanak-kanak tidak boleh dibiarkan berada di tempat yang mana terdapat percampuran bebas di antara lelaki dan wanita.

j. Mendidik menutup aurat dan etika berhias

Islam memberi panduan tentang semua aspek kehidupan, termasuk hal-hal kesopanan dalam berpakaian. Walaupun Islam tidak mempunyai standard yang tetap mengenai gaya pakaian atau jenis pakaian yang mesti dipakai oleh orang Islam, terdapat beberapa syarat minimum yang mesti dipenuhi. Islam juga memberi panduan bahawa pakaian mestilah tidak ketat supaya tidak menampakkan bentuk badan. Pakaian yang hanya membaluti badan tidak digalakkan untuk lelaki dan wanita. Terdapat banyak hikmah menutup aurat seperti melindungi diri daripada fitnah dan bahaya lain seperti jenayah. Bagi lelaki, bahagian-bahagian aurat adalah antara pusat hingga lutut. Bagi seorang wanita, seluruh tubuh adalah aurat kecuali muka dan pergelangan tangan. Penglihatan dan pendengaran manusia juga boleh merangsang nafsu. Oleh itu, apabila bercakap bersama lelaki ajnabi, seorang wanita haruslah tidak melunakkan suaranya. Kewajipan ini telah disebut dalam surah Al-Quran surah Al-Ahzab ayat 32:

Maksud: Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Selain daripada menjaga aurat, menjaga adab berhias diri juga perlu berpandukan kepada ajaran Islam. Jika perhiasan tidak dikawal dengan cara Islam, ia akan membawa seseorang kepada dosa. Dihiasi bermaksud usaha untuk mencantikkan untuk kelihatan menawan. Ini berkaitan dengan ayat 33 dalam surah Ahzab:

Maksud: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu.

PENDIDIKAN SEKS DARI SUDUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Pendidikan seks merupakan salah satu mekanisme bagi memastikan kesemua objektif yang digariskan oleh syarak dapat dicapai dan dipelihara. Secara terperinci, hubungkait diantara kedua-duanya adalah seperti berikut:

a. Pemeliharaan Agama

Antara objektif utama di dalam Maqasid Syariah adalah pemeliharaan agama. Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, statistik tangkapan pelajar dalam jenayah indeks pada 2017 merekodkan seramai 1,722 pelajar ditahan manakala pada 2018 seramai 1,286 pelajar ditahan (Issahak, 2019). Antara jenayah yang dilakukan berdasarkan data tersebut adalah melibatkan jenayah seksual.

Dalam konteks pendidikan seks, kefahaman yang baik berkaitan dengan dosa dan pahala, halal dan haram boleh menjadi benteng kepada seseorang daripada terjebak melakukan masalah gejala sosial seperti berzina, rogol dan jenayah amang seksual. Oleh itu, keperluan untuk mempelajari pendidikan seks adalah untuk memenuhi objektif syariah (Maqasid Syariah), iaitu memelihara agama (*hifz al-din*). Ini kerana, dengan iman, kita percaya bahawa Allah itu wujud dan dengan iman juga keperibadian kita mengikut tingkah laku yang betul kerana ia berpandukan perintah dan izin Allah SWT. Seseorang yang mempunyai iman yang kuat, pastinya tidak akan mudah melakukan dosa kerana sering mengingati Allah dan segala hukuman yang akan dihadapinya di akhirat. Pada masa yang sama, Allah SWT menyatakan dalam surah Al-A'raf ayat 172:

Maksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Oleh itu, jika pendidikan seks tidak diberi pendedahan dengan teknik dan cara yang betul masalah gejala sosial terutamanya gejala seks tidak dapat dibendung. Kesannya, objektif Islam untuk menjaga agama terus gagal.

b. Pemeliharaan Nyawa

Objektif kedua di dalam Maqasid Syariah adalah memelihara nyawa individu. Islam telah mewajibkan setiap individu untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan diri. Memelihara nyawa bermakna tidak melakukan perbuatan yang boleh membahayakan serta mendedahkan diri kepada penyakit berbahaya seperti HIV, AIDS, dan disfungsi erektil. Jika seseorang mempunyai pengetahuan yang baik tentang perkara-perkara melibatkan seks, ia boleh menghalang mereka daripada terkena jangkitan penyakit kelamin. Menurut kajian yang dijalankan pada tahun 2018, kadar kes HIV baru di Malaysia adalah 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

Jumlah kematian HIV/AIDS dari tahun 1986 hingga 2018 direkodkan sebanyak 43,843 kes. Daripada 75,040 pesakit HIV, hanya 41,430 pesakit menjalani rawatan Antiretroviral (ART). Ini kerana kebanyakan penyakit kelamin berpunca daripada perbuatan seksual yang tidak bermoral. Maqasid Syariah pemeliharaan diri ini bukan sahaja merangkumi tuntutan untuk menjaga nyawa diri sendiri tetapi juga untuk menjaga kesejahteraan orang lain. Penyakit kelamin berbahaya kepada diri sendiri dan pasangan. Seperti yang kita ketahui, penyakit kelamin boleh menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada faktor perceraian. Ini kerana, penyakit ini memberi kesan kepada hubungan seksual antara suami dan isteri.

Seterusnya, berdasarkan statistik yang dikumpul, sehingga tahun 2021, kes pembuangan bayi masih membimbangkan dalam komuniti Asia Tenggara. Malaysia adalah negara yang tertinggi dalam peratusan tersebut. Statistik menunjukkan purata 100 bayi dibuang pada setiap tahun di Malaysia. Kebanyakan bayi ini dibuang ke dalam tong sampah, dengan 70% didapati tidak bermaya kerana mereka disumbat ke dalam lubang tandas, dibuang ke dalam longkang, atau dibakar tanpa disedari. Secara purata, hanya 30% bayi yang cukup bernasib baik untuk diselamatkan dan mempunyai peluang untuk terus hidup (Orphan Care, 2021). Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zulkifli Ismail berkata, kelonggaran hubungan kekeluargaan dan kepercayaan agama terutama dalam kalangan anak muda menjadi punca berlakunya lambakan pembuangan bayi (Anbia et al., 2019). Selain itu, data yang lain merekodkan kira-kira 96,000 wanita melakukan pengguguran setiap tahun di Malaysia (Zalhe, 2020). Islam melarang kedua-dua perbuatan ini kerana membunuh orang lain tanpa alasan dan mencederakan diri sendiri. Perkara ini dinyatakan dengan jelas di dalam Surah al- Maidah ayat 32:

Maksud: Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.

Oleh itu, masalah dan penyakit di atas yang boleh membahayakan diri sendiri dan juga orang lain boleh dielakkan jika mereka menyedari kesan melakukan perbuatan seksual yang tidak bermoral.

c. Pemeliharaan Akal

Sebagaimana yang kita ketahui, Islam melarang tindakan yang boleh merosakkan minda dan ia juga berkait dengan Maqasid Syariah ketiga iaitu pemeliharaan akal (*hifz aql*). Antara aktiviti yang boleh merosakkan akal adalah menonton bahan-bahan pornografi seperti majalah dan VCD. Bahan ini boleh diakses dengan mudah dalam era dunia serba canggih hari ini hanya melalui Internet. Pornografi mempunyai kesan yang besar terhadap minda kanak-kanak. Pendedahan kepada bahan seksual ini

secara teratur akan menyebabkan nafsu dan ketagihan. Pada masa yang sama, menurut jurnal *The Public Health Harms of Pornography: The Brain, Erectile Dysfunction*, dan *Sexual Violence* menyatakan bahawa kajian otak juga telah mendedahkan bahawa peningkatan penggunaan pornografi menyebabkan penurunan ingatan jangka pendek (Foubert, 2017). Kebanyakan remaja menjadi tertarik dengan ketagihan ini kerana kurangnya perhatian dan pemantauan ibu bapa mereka.

Selain itu, antara kesan pornografi yang lain adalah menjejaskan keharmonian institusi keluarga. Ini kerana ia akan menyebabkan kekosongan emosi, rendah diri dan kesunyian yang mendalam antara pasangan suami isteri. Seterusnya, pasangan akan merasa didera, malu, dan membenci sikap suami atau isteri yang ketagih dengan pornografi, sementara aktiviti seksual dengan pasangan hambar dan tidak mencapai kepuasan (Hafizah, 2018). Tambahan pula, minda kanak-kanak akan terganggu jika ibu bapa menunjukkan etika yang buruk di hadapan mereka seperti seorang bapa yang menonton pornografi di rumah. Oleh itu, kita dapat melihat kelemahan otak seseorang, merosakkan hubungan suami isteri dan menunjukkan pengaruh buruk terhadap kanak-kanak adalah disebabkan oleh ketagihan terhadap pornografi sedangkan akal harus digunakan untuk tujuan yang bermanfaat seperti yang dipandu oleh Islam.

d. Pemeliharaan Keturunan

Pendidikan seks merupakan salah satu mekanisme yang dapat memastikan objektif syariah iaitu pemeliharaan zuriat (*hifz nasb*) dapat dipelihara. Pendidikan seks yang baik dapat memberi kefahaman dan penghayatan bahawa perbuatan zina dan hamil di luar ikatan perkahwinan merupakan perbuatan yang haram di sisi Islam. Berdasarkan statistik pendaftaran kelahiran, seramai 25,567 anak tidak sah taraf telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak 2019 hingga Januari 2020 termasuk bagi perkahwinan yang tidak melebihi enam bulan (Media Isma, 2020). Tambahan pula, menurut Islam, anak tidak sah taraf tidak boleh berbinkan dengan nama bapa bukan biologi. Sekiranya bapa bukan biologi menjadi wali semasa perkahwinan anak tersebut, maka perkahwinan itu tidak sah. Ini akan membawa kepada kesan kecelaruan keturunan kerana zina berlaku secara berterusan akibat daripada perkahwinan yang tidak sah. Justeru, memelihara keturunan merupakan salah satu matlamat ajaran Islam atau Maqasid Syariah.

e. Pemeliharaan Harta

Memelihara harta merupakan salah satu daripada objektif yang digariskan di dalam Maqasid Syariah. Menyedari hakikat ini, Islam telah menggariskan beberapa hukum berkaitan harta. Pembaziran adalah perbuatan yang dilarang apabila seseorang membelanjakan wang yang merupakan rezeki yang diberikan oleh Allah kepada jalan yang salah dan mendekati zina. Sebagai contoh, melanggan video lucah di internet serta menggunakan perkhidmatan pelacur merupakan salah satu bentuk pembaziran harta yang dilarang di dalam Islam. Justeru, pendidikan seks yang baik boleh memberi kefahaman kepada anak-anak bahawa perbuatan pembaziran harta sebegini

merupakan perkara yang dilarang didalam Islam. Implikasinya, Maqasid Syariah kelima iaitu memelihara kekayaan dapat dilaksanakan.

KESIMPULAN

Pendidikan seks sering menjadi topik yang hangat diperdebatkan tentang kesesuaian pelaksanaannya di Malaysia. Kefahaman yang benar tentang pendidikan seks dari sudut Islam boleh menjadi pemacu kepada ibu bapa agar terus mendidik anak-anak dengan kefahaman yang sewajarnya. Pendedahan berkaitan pendidikan seks perlulah dilakukan secara berperingkat mengikut umur kanak-kanak. Pendidikan secara beransur-ansur adalah ideal kerana ia sepadan dengan tahap penerimaan dan kematangan kanak-kanak.

Jika dibuat perbandingan di antara pendidikan seks di Barat, kerangka yang disediakan oleh Islam adalah lebih komprehensif dengan menekankan kewajipan untuk menjaga rasa hormat diri, adab dan tingkah laku yang bermula pada usia muda untuk menjaga batas seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis. Akhir sekali, pendidikan seks mempunyai kaitan yang jelas dalam memastikan lima objektif Maqasid Syariah dicapai iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Justeru, ibu bapa perlu mempersiapkan diri mereka dengan kefahaman yang baik berkaitan pendidikan seks di dalam Islam seterusnya mendidik anak-anak mereka sedari daripada usia mereka kecil sehinggalah dewasa.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Karim Zaidan. (2009). *Al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah*. Muassasah al-Risalah.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1992). *Tarbiyatul Awlad Fi Al Islam* (Vol. 1). Darul Salam.
- Ahmad Al-Raysouni. (1995). *Nazhariyyatul Maqasid 'indal Imam as-Syathibi* (Vol. 1).
- Al-Fayruz Abadi. (1997). *al- Qamus al Muhit* (1st ed., Vol. 1). Dar Ihya .
- Ayip Syafrudin. (1991). *Islam dan Pendidikan Seks Anak* (Vol. 1). Pustaka Mantiq.
- Bukhārī, M. ibn I., محمد بن اسماعيل, بخارس, Khan, M. Muhsin., & محمد محسن خان. (1997). *Sahīh al-Bukhārī: the translation of the meanings of Sahih al-Bukhari : Arabic-English*. Darussalam Pub. & Distr.
- Emily Bridges, & Debra Hauser. (2014). *Sexuality Education*.
- Ghazali, A. H., & Abd Al Salam, M. (1993). *al-Mustasfa* (Vol. 1). <https://shamela.ws/book/5459/172>
- Hidayah Sunni, A. (2017). *KONSEP ISLAM TENTANG PENDIDIKAN SEKS BAGI ANAK DALAM KELUARGA*.
- Imam al-Haramain al-Juwaini. (1997). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh* (Vol. 1). <https://shamela.ws/book/7439/99>
- Mohd Nasir, W. (2012). *Pengenalan Asas Kepada Maqasid Syariah*. PSN Publication.
- Muhammad Thahir ibn 'Asyur. (2004). *Maqasid as-Syari'ah al-Islamiyyah* (Vol. 3).
- Nawang Sari, D. (2015). *Urgensi Pendidikan Seks Dalam Islam*.
- Rokiah Ahmad. (2007). *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*. Percetakan Nasional Malaysia.

Jurnal

- Ermayani, T. (2020). *Sex Education an Early Age in The Perspective of Islam*. <https://doi.org/10.4108/eai.28-9-2019.2291019>
- Foubert, J. D. (2017). The Public Health Harms of Pornography: The Brain, Erectile Dysfunction, and Sexual Violence. *Dignity: A Journal on Sexual Exploitation and Violence*, 2(3). <https://doi.org/10.23860/dignity.2017.02.03.06>
- Gustiawati Mukri, S. (2015). Pendidikan Seks Usia Dini Dalam Perspektif Hukum Islam (Early Sex Education In The Perspective Of Islamic Law). In *FAI Universitas Ibn Khaldun (UIKA) BOGOR* (Vol. 3, Issue 1). <https://www.academia.edu/20370983>

Internet

- Amirudin. (2020). *Pendidikan Seksual Pada Anak Dalam Hukum Islam*. <https://www.researchgate.net/publication/342490876>
- Anbia, J., Asmaini, F., Victoria, M., Salberi, S., & Hidayah, N. (2019). Buang bayi setiap 3 hari. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari>
- Berita Harian. (2019). 80 peratus kanak-kanak 10-17 tahun tonton pornografi. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/544573/80-peratus-kanak-kanak-10-17-tahun-tonton-pornografi>
- Hafizah, F. (2018). Ketagihan pornografi rosakkan otak. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/04/406081/ketagihan-pornografi-rosakkan-otak>
- Issahak, M. (2019). Jenayah dalam kalangan pelajar masih membimbangkan. *Berita Harian Online*.
- Media Isma. (2020). 150 kes sehari! Isu ibu hamil luar nikah semakin barah. *Isma Web*. <https://ismaweb.net/2020/12/27/150-kes-sehari-isu-ibu-hamil-luar-nikah-semakin-barah/>
- Mufti of Federal Territory, M. (2016). *Hukum Berkhatan Bagi Kaum Wanita*. Mufti of Federal Territory, Malaysia.
- Orphan Care. (2021). *Penetasan bayi untuk mengurangkan kes pembuangan bayi di Malaysia*. Orphan Care. <https://orphancare.org.my/ms/baby-hatches-to-reduce-baby-dumping-cases-in-malaysia/>
- Sinar Harian. (2019). *Statistik Remaja Hamil* <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil>
- UNESCO. (2018). *Why comprehensive sexuality education is important*.
- WHO Regional Office for Europe and BZgA. (2010). *WHO Regional Office for Europe and BZgA Standards for Sexuality Education in Europe*.
- Zalhe, A. (2020). Malapetaka! 96,000 wanita gugur janin setiap tahun di Malaysia. *Isma Web*. <https://ismaweb.net/2020/09/23/malapetaka-96000-wanita-gugur-janin-setiap-tahun-di-malaysia/>